

Lampiran :

Senarai *mathal* Arab yang dikenal pasti dapat digunakan secara langsung dalam berbagai-bagai aktiviti bahasa, sama ada dalam percakapan, penulisan, perbincangan, perundingan, penghujahan dan lain

Mathal 1:

أَبْلَدُ مِنَ الثَّوْرِ

Maksudnya: “Lebih bodoh daripada lembu jantan”.

Mathal 2 :

أَبْلَدُ مِنَ السُّلْحَفَاءِ

Maksudnya: “lebih bodoh daripada kura-kura”.

Mathal 3:

أَجْهَلُ مِنْ حِمَارٍ

Maksudnya: “lebih jahil (bodoh) daripada keldai”.

Mathal 4 :

أَنْشَطُ مِنْ ذَيْبٍ

Maksudnya: “Lebih cergas daripada serigala”.

Mathal 5:

أَسْرَعُ مِنَ تَلْمِظِ الْوَرَلِ

Maksudnya: “Lebih laju daripada telanan biawak padang pasir”.

Mathal 6 :

أَسْرَعُ مِنْ فَرِيقِ الْخَيْلِ

Maksudnya: “Lebih laju daripada pasukan berkuda”.

Mathal 7 :

أَلْفٌ مِنْ حَمَامٍ مَكَّةَ

Maksudnya: “Lebih jinak daripada merpati Mekah”.

Mathal 8:

أَبْخُلٌ مِنْ كَلْبٍ

Maksudnya: “Lebih kedekut daripada anjing”.

Mathal 9:

أَبْصَرُ مِنْ نَسْرٍ

Maksudnya: “Lebih tajam penglihatan daripada burung helang”.

Mathal 10 :

إِنَّ غَدًّا لِنَاظِرِهِ قَرِيبٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya esok bagi yang menantinya adalah dekat”.

Mathal 11 :

أَفْرَعُ بِالظِّيِّ وَفِي الْمَعَزِيِّ دَثْرٌ

Maksudnya: “Menyembelih kijang sedangkan kambing banyak sekali”.

Mathal 12 :

رُبَّ رَمِيَةٍ مِنْ غَيْرِ رَامٍ

Maksudnya: “Kadang kala sesuatu panahan itu datangnyanya daripada seorang yang bukan pemanah”.

Mathal 13 :

إِنْ كُنْتَ مُنَاطِحًا فَنَاطِحِ بِدَوَاتِ الْقُرُونِ

Maksudnya: “Sekiranya kamu (ingin) menanduk, tanduklah (lawan) yang bertanduk”.

Mathal 14 :

أَسْرَعُ مِنْ وَرَلِ الْحَضِيضِ / أَشْرَدُ مِنْ وَرَلِ / أَحْيَرُ مِنْ وَرَلِ / أَضَلُّ مِنْ وَرَلِ

Maksudnya: “Lebih cepat daripada biawak yang tinggal di bawah tanah” dan “lebih hairan daripada biawak” dan “lebih sesat daripada biawak”.

Mathal 15 :

كُمُبْتَعِي الصَّيْدَ فِي عَرِيْسَةِ الْأَسَدِ

Maksudnya: “Seperti memburu di tempat (kediaman/ kandang) singa”.

Mathal ini digunakan untuk menunjukkan kepada usaha sia-sia yang sukar dicapai.

Mathal 16 :

هَذَا الشِّبْلُ مِنْ ذَاكَ الْأَسَدِ

Maksudnya: “Singa muda ini adalah anak kepada singa itu.”

Penggunaannya: Menunjukkan kepada sesuatu yang baik yang merupakan warisan daripada yang sebelumnya. Juga untuk memuji bapa atas kejayaannya dalam mendidik anak-anaknya dengan pekerti yang baik sama seperti yang dimilikinya.

Mathal 17 :

أَسَدٌ عَلَيَّ وَفِي الْخُرُوبِ نَعَامَةٌ

Maksudnya: “Singa diatasku sedangkan dalam peperangan burung unta”.

Penggunaannya: Memperkecilkan orang-orang yang pengecut.

Mathal 18 :

مَنْ جَاوَرَ الْأَسَدَ لَمْ يَأْمَنْ بِوَائِقِهَا

Maksudnya: “Sesiapa mendekati atau berjiran dengan singa, dia tidak akan terlepas daripada malapetakanya”.

Penggunaannya: Peringatan tentang memilih jiran atau kawan yang baik yang sentiasa memikirkan kebaikan untuk dirinya dan juga untuk orang yang berada di sekitarnya.

Mathal 19:

أَوْثَبُ مِنَ الْفَهْدِ

Maksudnya: “ Lebih kuat lompatan daripada harimau bintang”

Penggunaannya: Untuk menunjukkan kekuatan.

Mathal 20 :

سَمَّزْ وَأَتَّزِرْ وَالْبَسْ جِلْدَ نَمْرٍ

Maksudnya: “Bergerak segera dan bersiap sedia dengan pakaian, dan pakailah kulit harimau”.

Penggunaannya: Memberi peringatan supaya sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi sesuatu ataupun sebarang kemungkinan.

Mathal 21 :

لَبَسَ لَهُ جِلْدَ النَّمْرِ

Maksudnya: “Pakaikanlah kulit harimau kepadanya”.

Penggunaannya: Galakan supaya memberi semangat kepada orang lain supaya menjadi lebih bersemangat dalam perjuangan.

Mathal 22:

أَقْبَحُ مِنَ الْحَنْزِيرِ

Maksudnya: “Lebih buruk daripada babi”.

Digunakan untuk menyatakan keburukan dan mengutuk sesuatu yang buruk dan hodoh.

Mathal 23 :

مَنْ خَشِيَ الذُّبَّ أَعَدَّ لَهُ كَلْبًا

Maksudnya: “Sesiapa yang takutkan serigala dia akan menyediakan anjing untuknya ”.

Penggunaannya: Gesaan bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan

Mathal 24 :

إِذَا ذَكَرْتَ الذِّئْبَ فَأَعِدْ لَهُ الْعَصَا

Maksudnya: “Sekiranya anda teringatkan serigala maka sediakanlah tongkat”

Penggunaannya: Kedua-dua mathal di atas menyatakan perlunya kepada persiapan yang sesuai dalam menghadapi sesuatu situasi.

Mathal 25 :

الذِّئْبُ خَالِيًا أَسَدًا

Maksudnya: “Serigala ketika bersendirian adalah singa”.

Penggunaannya: Menyatakan yang seseorang itu akan mengumpulkan segala kekuatan ketika bersendirian.

Mathal 26 :

أَقْطَفُ مِنْ أَرْزَبٍ

Maksudnya: “Lebih kuat ragutan daripada arnab”.

Penggunaannya: Menyatakan kuat makan.

Mathal 27 :

أَظْلَمُ مِنْ أَعْفَى

Maksudnya:”Lebih zalim daripada ular”.

Penggunaannya: Menyatakan tahap kezaliman yang dimiliki oleh seseorang.

Mathal 28 :

الْحَاوِي لَا يَنْجُو مِنَ الْحَيَاتِ

Maksudnya: “Pemburu atau penangkap ular tidak akan selamat daripada (patukan) ular”.

Penggunaannya: Menyatakan bahawa seseorang yang berdamping dengan orang-orang yang jahat itu, suatu masa akan merasai juga kejahatannya itu.

Mathal 29:

كَانَ كِرَاعًا فَصَارَ ذِرَاعًا

Maksudnya: “Dulu betis sekarang lengan”.

Penggunaannya: Ini digunakan dalam menggambarkan kehidupan seseorang yang telah berubah dari keadaan yang kurang baik kepada suatu keadaan yang lebih baik. Umpamanya dulu miskin dan sekarang telah berubah menjadi kaya.

Mathal 30:

إِلَيَّ لَمْ أَبِيعْ وَلَمْ أَهْبْ

Maksudnya: “Untaku, aku tidak jual dan tidak berhibah (beri kepada orang lain secara percuma)”.

Penggunaannya: Menyatakan sesuatu yang dimiliki dan yang disayangi itu tidak akan berpindah tangan kepada orang lain dengan apa cara sekalipun.

Mathal 31 :

عِنْدَ رُؤُوسِ الْإِبِلِ أَرْبَابُهَا

Maksudnya:”Setiap ekor unta ada tuannya”

Penggunaannya: Untuk menyatakan bahawa setiap sesuatu itu ada pemiliknya. Digunakan apabila ada sesuatu pihak ingin merampas atau mengambilnya dengan menggunakan kekerasan. Dan juga sebagai menyatakan keengganan untuk menyerahkan barang miliknya kepada pihak lain.

Mathal 32:

لَا نَاقَةَ لِي فِي هَذَا وَلَا جَمَلٍ

Maksudnya: “Tiada untaku di sini, betina atau pun jantan”.

Penggunaannya: Untuk seseorang itu menyatakan tentang sesuatu yang tidak ada kena mengena dan tiada kaitan dengannya.

Mathal 33:

اتَّبِعِ الْفَرَسَ لِجَامِهَا وَالنَّاقَةَ زِمَامِهَا

Maksudnya: “Memberi kuda berilah bersama talinya, memberi unta berilah

bersama pengikatnya”.

Penggunaannya: Dalam menyatakan pemberian sesuatu yang besar itu perlulah diikuti bersama sesuatu yang kecil yang tidak dapat dipisahkan di antara keduanya. Ia juga digunakan sebagai galakan ke arah menyempurnakan dan melengkapkan kerja-kerja yang baik.

Mathal 34:

كَالْخُرُوفِ أَيْنَمَا مَالَ اتَّقَى الْأَرْضَ بِصُوفٍ
كَالْخُرُوفِ أَيْنَمَا اتَّكَأَ اتَّكَأَ عَلَى صُوفٍ

Maksudnya: “Bagaikan kambing biri-biri, ke arah mana saja berada sentiasa beralaskan bulu”.

Penggunaannya: Menyatakan kemewahan yang dimiliki oleh seseorang yang tidak pernah merasai sebarang kesusahan.

Mathal 35 :

عِنْدَ النَّطَاحِ يَغْلِبُ الْكَبِشُ الْأَجْمُ

Maksudnya: “Ketika menanduk (bertarung), biri-biri tak bertanduk yang kalah”

Penggunaannya: Untuk mengingatkan bahawa seseorang yang tidak bersedia atau tidak cukup peralatan akan kecundang dalam perjuangannya. Dengan demikian sesorang itu hendaklah membuat persiapan yang rapi sebelum menceburkan diri atau melibatkan diri dalam sesuatu pekerjaan atau perlawanan.

Mathal 36 :

إِذَا صَاحَتْ الدَّجَاجَةُ صِيَاخَ الدَّيْكِ فَلْتُذَبِّحْ

Maksudnya: “sekiranya ayam betina itu berkokok hendaklah disembelih.”

Penggunaannya: Menyatakan perubahan sikap seseorang kepada sesuatu yang tidak sepatutnya, perlulah dihentikan dan diperangi.

Mathal 37:

أَسْلِحْ مِنْ دَجَاجَةٍ

Maksudnya: “Lebih kuat berak daripada ayam”.

Penggunaannya: Menggambarkan keadaan seseorang yang produktif dalam melahirkan sesuatu yang tidak diinginkan.

Mathal 38 :

شَرُّ أَيَّامِ الدَّيْكِ يَوْمٌ تُغْسَلُ رِجْلَاهُ

Maksudnya: “Hari yang paling malang bagi ayam jantan ialah hari apabila kedua-dua kakinya dibersihkan”.

Penggunaannya: menggambarkan kebaikan yang diterima oleh seseorang itu yang membawa padah kepada dirinya sendiri.

Mathal 39:

كَانَتْ بَيْضَةً الدِّيكِ

Maksudnya: “Ia merupakan telur ayam jantan”.

Penggunaannya: Untuk menggambarkan sesuatu yang tidak mungkin berulang lagi. Juga digunakan untuk memberikan gambaran tentang sesuatu yang luar biasa.

Mathal 40 :

لَوْ كَانَ فِي الْبُومَةِ خَيْرٌ مَّا تَرَكَهَا الصَّيَّادُ

Maksudnya: “Sekiranya ada kebaikan pada burung hantu itu tentulah pemburu tidak akan melepaskannya”.

Penggunaannya: Mathal ini digunakan untuk memberi peringatan kepada seseorang yang sedang membuat pilihan mengenai sesuatu yang tidak baik.

Mathal 41:

الطُّيُورُ عَلَى أَشْكَالِهَا تَفْعُ

Maksudnya: “Burung-burung akan turun ke atas yang sejenis dengannya”.

Penggunaannya: Untuk menerangkan bahawa manusia cenderung kepada menggauli orang yang sebangsa atau yang mempunyai persamaan tidak kira dalam aspek apa sekalipun. Dengan demikian kita dapati bahawa kanak-kanak bergaul

sesama kanak-kanak, remaja sesam remaja, dewasa sesama dewasa dan sebagainya.

Mathal 42:

الطَّيُّورُ عَلَى الْآفِهَا تَقَعُ

Maksudnya: “Burung-burung akan turun ke atas penjinaknya (tuannya)”.

Penggunaannya: Untuk menggambarkan bahawa manusia cenderung dan suka akan orang yang memberikan perhatian kepadanya seperti menolongnya ketika berada dalam kesusahan, mengambil tahu tentang susah senangnya.

Mathal 43 :

يَسْنُقُ الطَّيْرُ حَيْثُ يَلْتَقِطُ الْحَبَّ

Maksudnya: “Burung-burung akan turun di mana terdapatnya bijirin”.

Mathal ini digunakan untuk memberi galakan kepada orang ramai supaya menjadi seorang yang pemurah.

Mathal 44 :

أَكَلُ مِنْ حُوْتٍ

Maksudnya: “Lebih banyak makan daripada *al-Hu:t* (ikan paus)”.

Penggunaannya: Memberi gambaran tentang orang yang kuat makan.

Mathal 45:

مِنَ الْحَوَاطِي سَهْمٌ صَائِبٌ

Maksudnya: “Daripada banyak panah yang tersasar ada yang menepati sasaran”.

Penggunaannya: mengikut pendapat Abu ‘Ubayd: Ini menerangkan mengenai orang bakhil yang tidak pernah memberi kadang kala ada juga masanya dia bermurah untuk memberi.

Mathal 46 :

مَا فِي كِنَانَتِهِ أَهْرَعُ

Maksudnya: “Apa yang terdapat di dalam bekas anak panahnya itu adalah iaitu anak panah yang terakhir”.

Penggunaannya: Mathal ini digunakan untuk menyatakan atau menggambarkan suatu keadaan yang kritikal dan tiada pilihan lain.

Mathal 47:

قَبْلَ الرَّمَاءِ تَمْلَأُ الْكِنَائِينَ

Maksudnya: “Sebelum memanah penuhkan kantung (tempat isi anak panah)”.

Penggunaannya: Untuk menyatakan perlunya persediaan yang secukupnya sebelum melakukan sesuatu pekerjaan atau urusan.

Mathal 48 :

هُوَ أَوْثَقُ سَهْمٍ فِي كِنَانَتِي

Maksudnya: “Dia adalah anak panah yang paling aku percayai (di kalangan yang banyak) di dalam kantungku”.

Penggunaannya: Menyatakan seseorang yang dipercayai dan boleh diharap.

Mathal 49 :

اِخْتَلَطَ الْحَابِلُ بِالنَّابِلِ

Maksudnya: “Bercampur aduk antara penjerat dengan pemanah”.

Penggunaannya: “Menggambarkan sesuatu yang bercelaru dan mengelirukan.

Mathal 50 :

السُّنُورُ الصِّيَاحُ لَا يَصْطَادُ شَيْئاً

Maksudnya: “Kucing yang kuat mengiau tidak akan mendapat sebarang buruan”.

Penggunaannya: ditunjukan kepada mereka yang banyak bercakap dan berteori yang tidak membawa kepada produktiviti.

Mathal 51 :

كَلْبٌ عَسَّ خَيْرٌ مِنْ أَسَدٍ رَابِضٍ

Maksudnya: “Anjing yang aktif lebih baik daripada singa yang diam”

Penggunaannya: Galakan ke arah melipatgandakan usaha dalam meningkatkan produktiviti.

Mathal 52 :

لَا يَضْرِبُ السَّحَابَ نِيْحُ الْكَلَابِ

Maksudnya: “Salakan anjing tidak akan menyakitkan awan”.

Penggunaannya: Gambaran terhadap seseorang yang mempunyai kedudukan yang kukuh tidak akan terjejas disebabkan oleh berbagai-bagai usaha dan tohmahan yang dilakukan oleh pihak lawan.

Mathal 52 :

كُلُّ كَلْبٍ بِبَابِهِ تَبَاحٌ

Maksudnya: “Semua anjing kuat menyalak di depan pintu (tuan)nya.”

Penggunaannya: Gambaran tentang kebolehan atau kekuatan seseorang yang belum teruji dan belum disahkan kehandalannya.

Mathal 54:

جَوْعٌ كَلْبِكَ يَتَّبِعُكَ

Maksudnya: “Laporkan anjing kamu, nescaya dia akan mengikuti kamu”.

Sekiranya pemburu atau tuan punya anjing membiarkan anjingnya tanpa makanan dan minuman, anjingnya itu akan mengikuti dan mentaatinya dengan harapan tuannya akan memberi makan kepadanya. Begitulah juga dengan orang jahat, dia akan mengikut perintah seseorang apabila dia percaya yang keperluannya akan dipenuhi.

Mathal 55:

لَا يَفْرَعُ الْبَازِيُّ مِنْ صِيَّاحِ الْكُرْكِيِّ

Maksudnya: “Helang tidak takut kepada jeritan karki (sejenis burung kecil)”.

Penggunaannya: Menggambarkan seseorang yang mempunyai kedudukan tidak

akan takut terhadap ugutan dan gertakan oleh pihak yang mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripadanya.

Mathal 56:

إِنَّ الْبُغَاثَ بِأَرْضِنَا يَسْتَنْسِرُ

Maksudnya: “ Sesungguhnya burung bughath di bumi kita menjadi helang”.

Penggunaannya: Menyatakan keamanan dan kemakmuran yang dinikmati oleh sesebuah negara.

Mathal 57:

إِذَا لَمْ يَنْفَعَكَ الْبَازِيُّ فَانْتَفِ رِيثَهُ

Maksudnya: “Sekiranya burung *ba:z* itu tidak memberi manfaat kepada kamu lagi, maka cabutlah bulunya”.

Penggunaannya: Gesaan ke arah membebaskan diri daripada sesuatu yang tidak mendatangkan faedah.